

1. SESI UAT API EKFL MAJLIS PERBANDARAN KULAI (MPKu)

08/04/2025 (SELASA)

Sesi pengujian UAT bagi projek Integrasi bersama sistem eKFL bagi Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) telah dilaksanakan pada 08hb April 2025. Sesi ini bertujuan untuk membuat pengujian API yang telah dibangunkan. Ianya dihadiri oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Penguatkuasa Lesen MBPG. Turut disertai oleh wakil CTSB iaitu Siti Khairatul Fakriyah dan Inshirah.



2. SESI LATIHAN SEWA PELBAGAI EKHIDMAT MAJLIS PERBANDARAN KLUANG (MPK)

10/04/2025 (KHAMIS)

Satu sesi latihan telah dijalankan bagi modul sewa pelbagai eKhidmat bagi Majlis Perbandaran Kluang yang telah dijalankan pada 10hb April 2025. Sesi latihan ini adalah bertujuan menunjukkan proses kerja dan cara penggunaan sistem kepada pegawai-pegawai MPK. Wakil CTSB yang turut menyertai sesi ini adalah Inshirah dan Itmam.



3. SESI FAT MODUL EKONTRAK MAJLIS PERBANDARAN KULAI (MPKu)

14/04/2025 (ISNIN)


Sesi Pengujian FAT bagi Modul eKontrak telah dilaksanakan pada 14hb April 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Kewangan Aras 1, Majlis Perbandaran Kulai. Sesi ini bertujuan untuk membuat pengujian akhir sistem dan memberi panduan pengguna bagi modul eKontrak. Sesi ini telah dihadiri oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan BPPK dan turut disertai oleh wakil CTSB iaitu Syafaizah, Syafiqah Maarof dan Aina.



4. SESI DEMOSTRASI SISTEM EKHIDMAT DI MAJLIS DAERAH LABIS (MDL)

14/04/2025 (ISNIN)

Sesi demo ini telah berlangsung pada 14hb April 2024 bertempat di Majlis Daerah Labis. Sesi ini adalah bagi membentangkan dan memperkenalkan fungsi dan keupayaan sistem eKhidmat. Ianya adalah bagi bertujuan untuk membantu mempertingkatkan kecekapan operasi dan perkhidmatan kepada orang awam. Wakil CTSB yang turut menyertai sesi ini adalah Puan Arina, Fozuayanis dan Zaliff.



5. SESI UAT API SISTEM SEWAAN FASILITI MBJB

14/04/2025 (ISNIN)

Satu sesi pengujian UAT bagi pembangunan API Sistem Sewaan Fasiliti Majlis Bandaraya Johor Bahru telah diadakan pada 14hb April 2025. Ianya diadakan secara VC pada jam 10 pagi. Tujuan pengujian tersebut adalah bagi memastikan integrasi antara dua sistem dapat dilaksanakan dengan baik. Wakil CTSB bagi sesi ini adalah Fozuanis dan Amirah Inez.

6. SESI DEMOSTRASI SISTEM PENILAIAN SEMULA KEPADA MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI (MPSPK)

14/04/2025 (ISNIN)

Sesi demo ini telah berlangsung pada 14hb April 2025 secara atas talian. Ia telah dijalankan dengan lancar bagi memperkenalkan fungsi dan keupayaan sistem Penilaian Semula. Sesi ini adalah bertujuan untuk menunjukkan bagaimana sistem mampu membantu PBT dalam mempertingkatkan kecekapan operasi dan perkhidmatan dalam skop Penilaian. Wakil CTSB yang turut serta adalah Suhana, Azwan Ahmad, Fadhzillah, Siti Khairatul dan Zawanah.

7. SESI MEMPERKENALKAN DAN LATIHAN BERKAITAN KECERDASAN BUATAN (AI) DENGAN KERJASAMA MPC DAN SEKTOR AWAM

16/04/2025 (RABU) – 17/04/2025 (KHAMIS)

Telah dilaksanakan satu sesi bagi Bahagian Pertama dalam memperkenalkan dan memberikan latihan berkaitan dengan Kecerdasan Buatan (AI) yang telah dianjurkan oleh MPC dengan kerjasama Cyberport Academy (CA). Bahagian pertama ini memfokuskan kepada Sektor Awam yang telah dihadiri lebih dari 80 orang. Puan Arina adalah sebagai pemberi latihan berkaitan AI tersebut dan dibantu oleh Isma dan Yusuf. Sesi tersebut telah dilaksanakan selama 2 hari yang bertempat di KSL Hotel Johor Bahru.



8. SESI DEMOSTRASI SISTEM KEWANGAN KEPADA PERBANDARAN KEMAJUAN PERUMAHAN NEGERI JOHOR (PKPJ)

21/04/2025 (ISNIN)

Sesi demo ini telah berlangsung selama pada 21hb April 2025 yang bertempat di Pejabat Perbandaran Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ). Ia telah berjalan dengan lancar bagi memperkenalkan fungsi dan keupayaan sistem Kewangan yang telah mencapai piawaian SAGA. Sesi ini adalah bertujuan untuk menunjukkan bagaimana sistem Kewangan mampu membantu agensi dalam mempertingkatkan kecekapan operasi dan perkhidmatan dalam skop Kewangan dan Perakaunan. Wakil CTSB yang turut serta adalah Puan Arina, Zawanah, Khalis dan Shafika Manaf.

9. SESI LATIHAN NAIKTARAF EPBT 3.0 MODUL HASIL MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI (MBIP)

21/04/2025 (ISNIN) – 30/04/2025 (RABU)

Sesi latihan bagi naiktaraf sistem ePBT 3.0 Modul Hasil telah dijalankan dari 21hb April 2025 sehingga 30hb April 2025. Sesi latihan tersebut dilaksanakan bagi keseluruhan 8 modul yang dilaksanakan secara fizikal di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP). Sesi tersebut telah berjalan dengan lancar dengan bantuan wakil CTSB bagi setiap modul iaitu Fadhzillah, Amirah Inez, Kanegeswaran, Siti Khairatul, Inshirah, Izuan, Khalis, Fozuyanis dan Shafika Manaf.



10. SESI DEMOSTRASI MODUL-MODUL TAMBAHAN KEPADA MAJLIS PERBANDARAN KULAI (MPKu)


23/04/2025 (RABU)

Majlis Perbandaran Kulai telah menjemput pihak CTSB untuk membuat pembentangan dan demonstrasi sistem Modul Tambahan ePBT kepada MPKu. Terdapat 4 modul tambahan yang telah dibentangkan iaitu Pengurusan Bajet, Wang Panjar Runcit, Pengurusan Aset dan Pindah Milik Online. Sesi tersebut telah dibentangkan oleh wakil CTSB iaitu Puan Arina, Suhana, Zawanah dan Fadhzillah.

11. SESI LATIHAN SEWA PELBAGAI EKHIDMAT MAJLIS DAERAH LABIS (MDL)

24/04/2025 (KHAMIS)

Sesi latihan bagi Sewa Pelbagai eKhidmat kepada Majlis Daerah Labis (MDL) telah dilaksanakan di Pejabat CTSB iaitu di Menara MSC Cyberport. Ia dihadiri oleh 5 orang pegawai MDL dan diwakili oleh 2 orang pegawai CTSB iaitu Fozuynis dan Itmam.



12. SESI LATIHAN API SEWAAN FASILITI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (MBJB)

24/04/2025 (KHAMIS)

Satu sesi latihan bagi API Sistem Sewaan Fasiliti Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah diadakan pada 24hb April 2025. Ianya diadakan secara VC pada jam 10 pagi. Tujuan latihan tersebut adalah bagi memastikan integrasi antara dua sistem dapat dilaksanakan dengan baik. Wakil CTSB bagi sesi ini adalah Siti Khairatul dan Amirah Inez.

13. SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI MSC CYBERPORT DAN CYBERSOLUTION TECHNOLOGIES SDN BH

28/04/2025 (ISNIN)

MSC Cyberport Sdn Bhd dan Cybersolution Technologies Sdn Bhd telah mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun 2025 bertempat di Kediaman En Ramlee dan Keluarga, selaku Ketua Pegawai Eksekutif MSC dan CTSB. Sambutan Hari Raya tersebut diraikan dengan meriah dengan disediakan pelbagai aneka juadah dan 'potluck' pemanis mulut yang telah dibawa oleh warga kerja MSC dan CTSB. Ianya telah dihadiri hampir 60 orang staf dan keluarga yang turut memeriahkan sambutan tersebut. Sesi bergambar di photobooth dan di sekeliling kediaman, sesi sambutan hari lahir bulan Januari hingga April juga diadakan pada hari tersebut.

